

JOM MENDAFTAR

*Amelia Farzana¹, Siti Haziqah², Syaafa Najihah³, Nur'Asmirah⁴, Nurin Shabryna⁵, Fariyah Hassan⁶

¹²³⁴⁵⁶Universiti Teknologi MARA Seremban 3 Campus

*Corresponding author's email: ameliafarzana70@gmail.com

ABSTRAK

Semasa permulaan semester baru, pelajar sering menghadapi masalah dalam pendaftaran kursus mereka. Diantara masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah mereka tidak mengetahui kod kursus mana yang harus didaftarkan, bagaimana prosedur memohon pengecualian kredit, masalah mendaftar kod kursus elektif dan bahasa ketiga, penetapan jam kredit yang dibenarkan dan penetapan kuota pelajar di dalam setiap kelas serta masalah bagi pelajar yang mengulang subjek. Selain daripada itu juga, pelajar lepasan diploma Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) yang meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana Muda Pentadbiran Korporat menghadapi sedikit masalah kerana terdapat beberapa kod kursus yang diambil tidak mengikut pelan pengajian kod kursus setiap semester. Ini kerana pelajar-pelajar ini akan mendaftar di semester ketiga berikutan terdapat beberapa kod yang mendapat pengecualian kredit. Namun begitu, ada beberapa kod kursus yang berada di semester satu dan dua yang tidak mendapat pengecualian kredit. Rentetan daripada masalah ini telah menyebabkan tempoh masa yang agak lama perlu diambil bagi setiap pelajar dan sekaligus mengganggu waktu pengkuliahan pelajar. Justeru itu, bagi membantu melicinkan proses pendaftaran kursus pelajar, Corporate Administration Student Society (CASS) dengan kerjasama Ketua Pusat Pengajian Pentadbiran Korporat (AM225) telah menghasilkan satu garis panduan yang diterjemahkan dalam bentuk infografik bagi membantu pelajar melicinkan proses pendaftaran pelajar.

Keywords: pendaftaran kursus, pengecualian kredit, pelan pengajian, kuliah, infografik

1. PENGENALAN

Pendaftaran kod kursus merupakan satu proses yang perlu dilakukan oleh setiap pelajar UiTM sebelum memulakan sesi pengkuliahan. Proses ini penting untuk memastikan pelajar mendaftar kod kursus yang ingin diambil pada setiap semester. Kegagalan mendaftar kod kursus yang betul boleh memberi implikasi seperti kegagalan untuk menduduki peperiksaan akhir. Bagi pelajar lepasan diploma Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) yang meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana Muda Pentadbiran Korporat menghadapi sedikit masalah kerana terdapat beberapa kod kursus yang diambil tidak mengikut pelan pengajian kod kursus setiap semester. Ini kerana pelajar-pelajar ini akan mendaftar di semester ketiga berikutan terdapat kod-kod yang mendapat pengecualian kredit. Namun begitu, ada beberapa kod kursus yang berada di semester satu dan dua yang tidak mendapat pengecualian kredit. Rentetan daripada masalah ini telah menyebabkan tempoh masa yang agak lama perlu diambil bagi setiap pelajar dan sekaligus mengganggu waktu pengkuliahan pelajar. Justeru itu, bagi membantu melicinkan proses pendaftaran kursus pelajar, Corporate Administration Student Society (CASS) dengan kerjasama Ketua Pusat Pengajian Pentadbiran Korporat (AM225) telah menghasilkan satu garis panduan yang diterjemahkan dalam bentuk infografik bagi membantu pelajar melicinkan proses pendaftaran pelajar.

2. METODOLOGI


Dalam menghasilkan produk ini, kami mengenal pasti semua proses dan kandungan utama yang terlibat dalam proses pendaftaran kursus pelajar dengan merujuk kepada pekeliling akademik yang terbaru dan

juga Peraturan Akademik Diploma Dan Sarjana Muda UiTM Pindaan 2021 (Bilangan 1). Proses pendaftaran kursus ini dibahagikan kepada kategori pelajar baru dan lama. Kesemua maklumat ini telah disemak oleh Ketua Pusat Pengajian AM225 bagi memastikan ketepatan proses sebelum ditukar kepada bentuk infografik.


3. DAPATAN KAJIAN

Dalam menghasilkan produk ini, kami menyenaraikan permasalahan yang timbul semasa proses pendaftaran kursus berlaku. Hasil daripada maklumbalas yang diberikan oleh pelajar, antara isu yang timbul ialah berkenaan dengan pemilihan kod kursus yang perlu didaftar, kod kursus yang diberikan pengecualian kredit, jumlah kuota bagi setiap kelas, pemilihan dan penawaran kod elektif yang ditawarkan pada semester tersebut, maksimum dan minimum jam kredit yang dibenarkan dan masalah petindihan jadual waktu bagi pelajar yang mengulang subjek yang gagal pada peperiksaan akhir. Berikut merupakan dapatan daripada hasil maklumbalas yang diterima daripada pelajar:


1) Saya mempunyai masalah untuk memilih kod kursus yang perlu saya daftar.




2) Saya tidak pasti kod kursus yang diberikan pengecualian kredit




3) Saya tidak pasti kelas mana yang saya dibenarkan untuk mendaftar




4) Saya tidak pasti berapa jumlah kuota bagi setiap kelas




5) Saya tidak pasti kod elektif yang perlu diambil



6) Saya tidak pasti berapa maksimum dan minimum jam kredit





8) Saya pernah mengalami masalah jadual berlanggar dengan subjek yang lain



7) Saya pernah mengalami masalah mendaftar tetapi kumpulan yang perlu didaftar penuh

Rentetan daripada maklumbalas ini, ia jelas menunjukkan terdapat pelbagai permasalahan yang kerap dialami oleh pelajar berkaitan dengan proses pendaftaran kursus. Oleh itu, pihak CASS dengan kerjasama KPP AM225 telah menghasilkan satu panduan dan rujukan yang diterjemahkan dalam bentuk infografik seperti berikut:



4. SUMBANGAN DAN PENGGUNAAN / PENGGOMERSIALAN

Hasil produk ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada para pelajar bagi memastikan proses pendaftaran kursus berjalan dengan lancar. Disamping itu, infografik ini juga dapat diguna pakai oleh pelajar-pelajar daripada program Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi.

5. PENUTUP

“Jom mendaftar” ini dihasilkan untuk membantu pelajar untuk memahami dengan lebih terperinci proses yang terlibat berkaitan dengan pendaftaran kursus subjek pada setiap semester. Kelebihan inovasi ini ia mudah difahami kerana himpunan prosedur yang terlibat diterjemahkan dalam bentuk infografik.

PENGHARGAAN

Kami ingin memberi penghargaan terhadap sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Ketua Pusat Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat (AM225) terhadap projek ini.

RUJUKAN

Pekeliling Akademik Bil. 05 / 2021: Pelaksanaan Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi II 2020 / 2021 Secara Dalam Talian Universiti Teknologi MARA
Peraturan Akademik Diploma Dan Sarjana Muda UiTM Pindaan 2021 (Bilangan 1)